

GST masih di peringkat kajian

Sinar Harian - 6/6/2022 m/s: 14

Perdana Menteri tegaskan tiada sebarang pengumuman kerajaan akan laksanakan semula cukai itu dalam masa terdekat

KUALA LUMPUR

Keputusan sama ada kerajaan akan melaksanakan semula sistem cukai barang dan perkhidmatan (GST) atau tidak, masih di peringkat kajian, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri menegaskan bahawa tiada sebarang pengumuman daripada beliau

bahawa kerajaan akan melaksanakan semula GST dalam masa terdekat, sebaliknya satu kajian dan pertimbangan termasuk kesan pelaksanaan semula sistem percukaian itu sedang dilakukan.

“Ramai orang terus melompat bila saya kata tidak menolak kemungkinan (untuk melaksanakan semula GST), tapi saya kata perlu dikaji, kita perlu kaji buruk dan baiknya.

“Bukan saya umumkan akan melaksanakan GST, saya kata kita akan buat kajian sebab kajian mendapati kita kekurangan pendapatan sebanyak RM30 bilion setahun kerana berpindah daripada GST kepada SST (cukai jualan dan perkhidmatan),” katanya kepada pemberita selepas merasmikan sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia di Taman Tugu di sini pada Ahad.

Ismail Sabri dalam wawancara khas bersama kumpulan media Nikkei Asia di Tokyo baru-baru ini dilaporkan sebagai berkata, ‘GST dilihat mampu mengembangkan pendapatan asas


negara dan kerajaan tidak menolak kemungkinan untuk mengembalikan sistem percukaian itu sebagai satu cara efektif menambah pendapatan negara, bagi menangani kenaikan inflasi dan kos sara hidup rakyat.

Perdana Menteri menjelaskan, apa yang paling penting adalah rakyat perlu difahamkan terlebih dahulu sekiranya kerajaan bercadang memperkenalkan sistem percukaian baharu.

“Kalau kita rasa SST dah tak sesuai, (sistem percukaian) apa yang kita nak gantikan dan rakyat perlu difahamkan dahulu. Kita hendak supaya apa yang diumumkan diterima rakyat, bukan ditolak rakyat.

“Banyak pertimbangan lagi yang akan kita tengok. Adakah kesan daripada GST itu berlaku kenaikan harga, adakah waktunya sesuai sekarang ini ataupun akan datang, berapa tahun lagi. Jadi jangan risau, sampai masanya kita akan dedahkan dan akan umumkan,” katanya.

GST kali pertama dilaksanakan di Malaysia pada 1 April



Ismail Sabri berucap pada Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2022 di Taman Tugu pada Ahad.

2015 pada kadar enam peratus.

GST kemudiannya digantung pada 1 Jun 2018 dan akhirnya dimansuhkan apabila ia digantikan dengan sistem SST bermula 1 September

2018.

Kadar cukai semasa bagi cukai jualan adalah lima peratus dan 10 peratus, manakala kadar cukai perkhidmatan ialah enam peratus. - *Bernama*